



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
WISMA MPKK, JALAN SULTAN NAZRIN SHAH, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK

**SEBUT HARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT YANG BAHARU UNTUK
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR BAGI 1 JANUARI 2027 – 31 DISEMBER 2028**

NO. SEBUTHARGA: 55/2026

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebutharga-Penyebutharga yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN di bawah kod bidang bekalan/perkhidmatan yang berkaitan SUB-KEPALA 221502 ATAU 222010 ATAU 020201 yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Sebut harga ini adalah seperti Jadual di bawah:

BIL.	TARIKH JUALAN DOKUMEN/ MASA	LOKASI	TEMPOH KONTRAK
1.	14.09.2026 (Isnin)- 21.09.2026 (Isnin) <u>MASA JUALAN DOKUMEN :</u> 8.30 pagi hingga 4.00 petang (Isnin hingga Jumaat) <u>MASA REHAT :</u> 1.00 tengah hari- 2.00 petang kecuali Jumaat (12.15 tengah hari - 2.45 petang)	A. WISMA MPKK, KUALA KANGSAR i. LOBI MPKK - BAHAGIAN HAL EHWAL KOMUNITI (BILIK OPERATOR) ii. LOBI MPKK - JABATAN KAWALAN BANGUNAN - (BILIK KETUA JABATAN) iii. TINGKAT 1 - JABATAN KEJURUTERAAN iv. TINGKAT 1 - JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP v. TINGKAT 2 - JABATAN PERBENDAHARAAN vi. TINGKAT 2 - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN vii. TINGKAT 2 - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT viii. TINGKAT 3 - BILIK PA YDP B. PEJABAT ANNEX MPKK KUALA KANGSAR i. TINGKAT 1 (KANAN) - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA ii. TINGKAT 1 (KIRI) - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA iii. TINGKAT 2 (KANAN) - JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN iv. TINGKAT 2 (KIRI) - JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN C. PEJABAT PENGUATKUASAAN, DEWAN JUBLI PERAK KUALA KANGSAR D. PEJABAT SATELIT MPKK, SUNGAI SIPUT (U) HARGA DOKUMEN : <u>RM10.00</u> (TUNAI)	(2 TAHUN) 1 JANUARI 2027 HINGGA 31 DISEMBER 2028

3. Dokumen Sebut harga dijual mulai **14.09.2026 (Isnin)** hingga **21.09.2026 (Isnin)** di Jabatan Khidmat Pengurusan Tingkat 2, Wisma MPKK Jalan Sultan Nazrin Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak jam 8.30 pagi - 4.00 petang semasa waktu bekerja sahaja. Bayaran pembelian dokumen adalah berbentuk TUNAI dan bil boleh didapati semasa pembelian dokumen dibuat. Permohonan sebut harga hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari **21.09.2026 (ISNIN)**
4. Semasa permohonan, Penyebutharga-Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:
 - a. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - b. Sijil Kementerian Kewangan (Kod Bidang Bekalan 221502 Atau 222010 Atau 020201 Kerja Yang Diluluskan
 - c. Kelulusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (SST) (Jika berkaitan)
 - d. Penyata Kewangan Syarikat bagi 3 bulan terkini
 - e. Sijil Pematuhan Cukai (TCC)
5. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
 - a. Penyebutharga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga sama ada secara manual
 - b. Penyebutharga **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebut Harga.
6. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
7. Borang Sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertanda **"TAWARAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN EMPAT BELAS (14) UNIT MESIN FOTOSTAT YANG BAHARU UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR BAGI 1 JANUARI 2027 – 31 DISEMBER 2028** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari **21.09.2026 (Isnin)** ke dalam Peti Tawaran Sebut harga yang disediakan di Lobi Wisma, MPKK.

Sekian, terima kasih.



(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar